

**TERMA DAN SYARAT**  
**KEMOPEN PAY & WIN WITH DD**

**1. Soalan:**

Apakah Kempen “Pay & Win with DD”?

**Jawapan:**

Kempen “Pay & Win with DD” merupakan k merupakan kempen anjuran PTPTN di mana Bank Islam merupakan bank peserta. Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui **Debit Terus (Direct Debit)** dengan menggunakan **platform e-Mandate**.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh Kempen “Pay & Win with DD” ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen bermula **1 Disember 2021 sehingga 28 Februari 2022** dan dilanjutkan **sehingga 30 April 2022**.

**3. Soalan:**

Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

**Jawapan:**

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pembayar peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN di dalam tempoh kempen;
- ii. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pelanggan Baharu	Pelanggan Sedia Ada
i.	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang membuat pendaftaran <b>debit terus (direct debit)</b> melalui <b>e-mandate</b> dalam tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>debit terus (direct debit)</b> di dalam tempoh kempen.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Satu (1) kelayakan cabutan bagi pendaftaran baharu debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya melalui e-mandate di dalam tempoh kempen.</b></li>   <li>ii. <b>Satu (1) kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen.</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Satu (1) kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen.</b></li> </ul>
--	--	---	---

- iii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN serta ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iv. Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

**4. Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Kempen “Pay & Win with DD” ini?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan Kempen “Pay & Win with DD” ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.

**5. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**6. Soalan:**

Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

**7. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

**Jawapan:**

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:-

Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama : RM 10,000	1
Saguhati : RM 1,000	40
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>41</b>

8.

**Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang Kempen “Pay & Win with DD” akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

9.

**Soalan:**

Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

**Jawapan:**

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.

10.

**Soalan:**

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman / simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian Careline [03-2193 3000](tel:03-2193 3000) untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh Kempen “Pay & Win with DD”.*

*Maklumat dikemaskini pada 28 Februari 2022*